



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“ISLAH NEGARA RAKYAT SEJAHTERA”

Tarikh Dibaca :

**7 JAMADILAWAL 1444/
2 DISEMBER 2022**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدَةٌ بِكَمَالٍ وَأَنْ إِسْلَامٌ مَلِيحًا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“ISLAH NEGARA RAKYAT SEJAHTERA”

(2 Disember 2022 / 7 Jamadilawal 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالْإِصْلَاحِ، وَحَثَّنَا عَلَى الصَّلَاحِ، وَبَيَّنَّ لَنَا سُبُلَ الْفَلَاحِ. وَنَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ جَعَلْنَا خَيْرَ أُمَّةٍ وَأَنْزَلَ عَلَيْنَا خَيْرَ عِصْمَةٍ، وَنَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ أَرْسَلَهُ اللَّهُ لَنَا رَحْمَةً، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْخَيْرَةِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ وَإِيمَانٍ إِلَى يَوْمِ الْحِسْرَةِ. فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ جَلِّ وَعَلَا، فَهِيَ سَبَبُ الْفَلَاحِ، وَالْفَوْزِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ،
(فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang lagha (sia-sia) seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Perkara ini ditegaskan melalui hadis dalam Sunan Abi Daud daripada Ali RA, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, maka dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “ **Islah Negara Rakyat Sejahtera**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus istiqamah mengimarahkan masjid dan melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar serta teguh memelihara silaturrahim. Semoga dengan kukuhnya persaudaraan dan kesatuan umat Islam akan menambahkan lagi kekuatan dan menjemput keberkatan dari Allah SWT. Selain itu, khatib ingin mengingatkan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perkataan "Islah" berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud memperbaiki kerosakan atau menghilangkan permusuhan dan perpecahan dalam kalangan manusia atau memperindah sesuatu. Dalam istilah Bahasa Melayu, penggunaan kalimah islah sebagaimana takrifan Kamus Dewan bermaksud: “Usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai serta penyelesaian perbalahan dengan jalan baik atau dengan jalan damai.”

Daripada pengertian tersebut menunjukkan bahawa islah digunakan secara meluas yang membawa pelbagai maksud dan mencakupi pelbagai aspek. Dalam al-Quran misalnya, perkataan islah dan pecahannya dipakai dalam semua bidang kehidupan manusia dari memperbaiki diri dan bertaubat,

kepada perdamaian dalam sengketa suami isteri, sehinggalah kepada penyelesaian urusan ummah. Bahkan, ia digunakan juga sebagai risalah kenabian dan kerasulan dalam menegakkan kalimah Allah SWT. Islah bukan bermaksud mengubah ajaran agama untuk disesuaikan dengan zaman, tetapi manusialah yang mesti mengubah diri mereka sendiri untuk disesuaikan dengan ajaran Islam yang bersumberkan daripada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Firman Allah SWT menceritakan perihal Nabi Syuib AS menerusi surah Hud ayat 88:

﴿إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ﴾

Maksudnya: *Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki (islah) sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNya aku kembali.*

Sayyid Qutb dalam menjelaskan ayat ini berkata: melakukan islah untuk kebaikan umum untuk kesejahteraan kehidupan dan masyarakat yang akan membawa kebajikan kepada setiap individu dan kelompok masyarakat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Oleh yang demikian, perintah islah menurut perspektif Islam secara umumnya menyeru kepada pembaikan menyeluruh yang mencakupi pembaikan dari aspek akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, politik dan sebagainya. Imam al-Zarqani menyebut di dalam kitab "**Manahil al-'Irfan**" beberapa bentuk pelaksanaan islah iaitu:

1. **Islah al-aqa'id** (islah keyakinan), iaitu membimbing manusia kepada hakikat permulaan dan pengakhiran kehidupan serta

antara keduanya di bawah ruang lingkup iman kepada Allah SWT, malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari Akhirat.

2. *Islah al-'ibadah* (*islah* peribadatan), iaitu membimbing manusia kepada sesuatu yang menyucikan jiwa, meluruskan keinginan, memberi faedah kepada orang lain baik individu mahupun secara berkumpulan.
3. *Islah al-akhlak* (*islah* akhlak), iaitu membimbing manusia kepada kebaikan-kebaikan diri mereka dan menjauhkan mereka daripada perkara yang boleh membawa kepada kehinaan diri mereka tanpa ada unsur melebihi-lebihkan atau sebaliknya.
4. *Islah al-ijtima'* (*islah* kemasyarakatan), iaitu membimbing manusia kepada penyatuan ummah dan penghapusan ta'asub serta menghilangkan perbezaan-perbezaan yang menjauhkan umat Islam.
5. *Islah al-siyasah* (*islah* politik) atau *al-hukm al-dauli* (hukum pemerintahan), iaitu dengan jalan menegakkan keadilan secara mutlak, mengutamakan persamaan antara manusia, adil, boleh dipercayai, menepati janji, tidak pilih kasih dan penuh rasa kasih sayang; jauh dari kezaliman, pengkhianatan, kebohongan dan penipuan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Situasi umat Islam pada hari ini menuntut kita semua untuk berkerjasama dan menyedari bahawa banyak lagi kerja-kerja islah yang perlu dilakukan secara konsisten. Marilah kita tanamkan azam dan istiqamah untuk meneruskan usaha transformasi secara menyeluruh. Inilah pesanan Nabi SAW sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim berbunyi:

عن سفيان بن عبدالله (رضي الله عنه) قال: قلتُ: يا رسولَ الله، قلْ لي في الإسلامِ قولًا لا أسألُ عنه أحدًا غيرَكَ، قال: قل: "آمَنْتُ بِاللَّهِ، ثم اسْتَقِمَّ"

Maksudnya: Daripada Abu Sufian RA berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: *"Wahai Rasulullah, tolong ajarkan sesuatu kepada aku yang paling penting dalam islam dan saya tidak akan bertanya lagi kepada siapapun. Nabi SAW berkata: "Katakanlah aku beriman kepada Allah, kemudian istiqamah."*

Ayuhlah, mari kita meningkatkan iltizam untuk bersama-sama menjayakan agenda islah Negara sebagai landasan ke arah merealisasikan cita-cita kesejahteraan rakyat. Perjuangan kita kini bagi membina sebuah negara yang bermaruah seterusnya mengangkat kedudukan warganegara Malaysia bagi menikmati kemakmuran, kebebasan dan keadilan bersama. Cita-cita ini adalah inspirasi mulia yang dipandu oleh prinsip dan nilai kesejagatan hidup damai bersama sebagaimana terkandung dalam ajaran agama Islam yang menganjurkan pembinaan negara yang baik serta dirahmati Allah SWT berasaskan nilai berkeadilan dan berkeadilan.

Sesungguhnya tugas mewujudkan kesejahteraan merupakan tanggungjawab bersama kita seluruh rakyat. Justeru, kita hendaklah menjadi rakyat yang sentiasa bersedia menyumbang terhadap aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaulat dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Khutbah pada hari ini juga ingin menzahirkan apresiasi kepada **Jabatan Kerja Raya (JKR)**, sebagai agensi teknikal di bawah Kementerian Kerja

Raya yang telah banyak berjasa kepada negara dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan infrastruktur sejak ia ditubuhkan pada tahun 1872 dan kini usianya telah mencecah **150 tahun**. **Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN)** ditetapkan pada hari Sabtu pertama Bulan Disember merupakan salah satu wadah bagi menghargai sumbangan warga profesion teknikal di seluruh negara atas sumbangan yang besar dan signifikan kepada negara. Mudah-mudahan seluruh warga Jabatan Kerja Raya *beristiqamah* menumpukan komitmen dalam menumpahkan jasa kepada rakyat. Semoga segala sumbangan dan jasa yang dicurahkan dahulu dan kini mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengamati intipati khutbah yang telah disampaikan iaitu:

- Pertama:** Perintah islah menurut perspektif Islam menyeru kepada pembaikan menyeluruh yang mencakupi pembaikan dari aspek akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, politik dan sebagainya.
- Kedua:** Tingkatkan iltizam untuk bersama-sama menjayakan agenda islah Negara sebagai landasan ke arah merealisasikan cita-cita kesejahteraan rakyat
- Ketiga:** Kita hendaklah menjadi rakyat yang sentiasa bersedia menyumbang terhadap aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaulat dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Ma-idah, ayat 8:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ آلَاءِ اللَّهِ تَعَدَّلُوا أَعَدَلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾ المائدة: ٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
 الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
 تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغ
 مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ
 الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ،
 تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيْزِهِ أَمِيْنِهِ مِيْمُونِهِ إِسْكَنْدَرِيْهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ
 سُلْطَانَ إِسْكَنْدَرَ الْحَاجِ.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
 بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحُنَّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah

kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.